

Mubarak Bantu BN Pada Pilihan Raya Umum, Tumpu Kawasan Menang Dan Kalah Tipis
Bernama
07 Mei, 2012

ALOR SETAR, 7 Mei (Bernama) -- Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (Mubarak) akan membantu Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang dengan penumpuan di kawasan BN menang atau kalah tipis pada pilihan raya umum lepas.

Pengerusi Mubarak Datuk Seri Abdul Aziz Rahman berkata pihaknya akan bekerjasama dengan parti-parti komponen BN bagi menentukan kawasan tumpuan mereka.

"Kedah dah beri ruang kepada kita dan beberapa negeri lain. Negeri Selangor yang mana Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak sendiri Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri telah beri kita 11 kawasan," katanya kepada pemberita selepas perasmian Perhimpunan Agung Mubarak kesembilan, di sini pada Isnin.

Majlis perasmian itu disempurnakan oleh Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Kedah Datuk Ahmad Bashah Md Hanipah.

Abdul Aziz berkata pihaknya akan cuba menarik sokongan pengundi atas pagar dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang tiada kaitan dengan politik untuk menyokong BN.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=664229>